

CERITERA KASIH: TENTANG PERJALANAN KEHIDUPAN

Editor:

Sharifah Saon¹, Hasliza Hassan² & Tasiransurini Ab Rahman³

E-mel:

sharifa@uthm.edu.my¹, hliza@uthm.edu.my² & surini@uthm.edu.my³

Abstrak: Selamat datang kepada pembaca dalam perjalanan yang penuh inspirasi melalui halaman-halaman buku ini, "Ceritera: Tentang Perjalanan Kehidupan." Buku ini adalah karya kreatif yang dihasilkan oleh wanita-wanita hebat yang mewakili pelbagai bidang pekerjaan, dari akademik, penolong jurutera, setiausaha dan pesara. Mereka bukan hanya individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing, tetapi juga pengembara hidup yang menggenggam pelbagai pengalaman, cabaran, kesihatan, dan kekeluargaan.

Setiap halaman buku ini merentangkan perjalanan kehidupan yang unik, memberikan kita pandangan mendalam tentang kehidupan para penulis yang berani berkongsi kisah mereka. Dari puncak kejayaan akademik hingga cabaran yang memerlukan keberanian luar biasa, pembaca akan dibawa menelusuri liku-liku kehidupan yang penuh warna hingga pengalaman-pengalaman kehilangan yang menggetarkan jiwa, setiap cerita mempunyai daya tarikan tersendiri.

Dalam setiap langkah hidup, kita diuji dengan cabaran yang datang bertubi-tubi. Terkadang, kita merasa bahawa perjalanan ini begitu sukar dan terlalu berat untuk ditanggung. Namun, di sebalik setiap liku-liku dan dugaan, terdapat hikmah yang berharga yang menanti untuk kita temui.

Para penulis membuka pintu hati mereka, merentasi jalan kisah yang membawa kita ke dalam dunia kesihatan dan kekeluargaan. Dalam setiap ceritera, kita akan menemui kejujuran yang menggugah hati, kesungguhan dalam menghadapi liku-liku, dan kekuatan dalam menjalani perjalanan kehidupan yang tidak terduga.

Buku ini bukan sekadar himpunan cerita peribadi, tetapi juga sumber inspirasi bagi pembaca yang mungkin sedang mengharungi perjalanan kehidupan mereka sendiri. Kami berharap pembaca dapat merasai kemanisan, kepahitan, dan keindahan yang terkandung dalam setiap halaman, serta menemukan refleksi diri dalam ceritera-ceritera ini.



Terima kasih kepada para penulis yang telah berkongsi intipati kehidupan mereka, memberikan kita pandangan yang menginspirasi dan memotivasikan. Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi bagi semua yang membacanya, merangkul kepelbagaian perjalanan kehidupan, dan membantu kita merentas dengan penuh semangat di sepanjang jalan cerita kehidupan.

Kata kunci: kehidupan, ceritera, peribadi, refleksi



Ceritera Kasih

Tentang Perjalanan Kehidupan



EDITOR:
SHARIFAH SAON
HASLIZA HASSAN
TASIRANSURINI AB RAHMAN



CERITERA KASIH TENTANG PERJALANAN KEHIDUPAN



Ceritera Kasih

Tentang Perjalanan Kehidupan

Ceritera Kasih

Tentang Perjalanan Kehidupan

EDITOR:
SHARIFAH SAON
HASLIZA HASSAN
TASIRANSURINI AB RAHMAN



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:
SHARIFAH SAON
HASLIZA HASSAN
TASIRANSURINI AB RAHMAN

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-032-5



Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
Ceritera 1: Coretan, Aku Ibumu	1
Oleh: Nafizah Salleh	
Ceritera 2: Sharifah Mahanum	5
Oleh: Suhaila Haron	
Ceritera 3: Biscoff Cheese Cake – Gambar Sakaku Tak Lulus	11
Oleh: Siti Hawa Ruslan	
Ceritera 4: Kembara Ini	15
Oleh: Nik Shahidah Afifi Md Taujuddin	
Ceritera 5: Aku dan Belfast	21
Oleh: Fauziahanim Che Seman	
Ceritera 6: Covid-19, Pengalaman Abadi	30
Oleh: Nurulhuda Ismail	
Ceritera 7: Secebis Kenangan	40
Oleh: Munirah Ab. Rahman	
Ceritera 8: Batik Pusaka	49
Oleh: Nor'aisah Sudin	



Ceritera 9: Duyung-duyung FKEE	56
Oleh: Tasiransurini Ab Rahman	
Ceritera 10: Coretan Hati... Andainya AKU bukanlah AKU	60
Oleh: Suriana Salimin	
Ceritera 11: Kembara Melbourne	63
Oleh: Wan Nur Hafsha Wan Kairuddin	
Ceritera 12: Lautan	71
Oleh: Herdawatie Abdul Kadir	
Ceritera 13: Pulmonary Tuberculosis (PTB) Smear Negative, Satu Perjalanan	78
Oleh: Sharifah Saon	
Ceritera 14: Trying To Conceive (TTC)	87
Oleh: Hasliza Hassan	
Ceritera 15: Endometriosis	95
Oleh: Ain Nazari	
Ceritera 16: Merewang	102
Oleh: Mazita Mohamad	
Ceritera 17: Emas dan Wanita	108
Oleh: Roziah Aziz	
Ceritera 18: Bertani Satu Terapi	112
Oleh: Siti Amely Jumaat	
Ceritera 19: Benarkah Seni Visual Bantu Kurangkan Tekanan? dan Ketahui Cara Mudah Memulakan Seni Lukisan Cat Air	116
Oleh: Nur Anida Jumadi	
<i>Biodata Penulis</i>	125



Prakata

Selamat datang kepada pembaca dalam perjalanan yang penuh inspirasi melalui halaman-halaman buku ini, “Ceritera: Tentang Perjalanan Kehidupan.” Buku ini adalah karya kreatif yang dihasilkan oleh wanita-wanita hebat yang mewakili pelbagai bidang pekerjaan, dari akademia, penolong jurutera, setiausaha dan pesara. Mereka bukan hanya individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing, tetapi juga pengembara hidup yang menggenggam pelbagai pengalaman, cabaran, kesihatan, dan kekeluargaan.

Setiap halaman buku ini merentangkan perjalanan kehidupan yang unik, memberikan kita pandangan mendalam tentang kehidupan para penulis yang berani berkongsi kisah mereka. Dari puncak kejayaan akademik hingga cabaran yang memerlukan keberanian luar biasa, pembaca akan dibawa menelusuri liku-liku kehidupan yang penuh warna hingga pengalaman-pengalaman kehilangan yang menggetarkan jiwa, setiap cerita mempunyai daya tarikan tersendiri.

Dalam setiap langkah hidup, kita diuji dengan cabaran yang datang bertubi-tubi. Terkadang, kita merasa bahawa perjalanan ini begitu sukar dan terlalu berat untuk ditanggung. Namun, di sebalik setiap liku-liku dan dugaan, terdapat hikmah yang berharga yang menanti untuk kita temui.

Para penulis membuka pintu hati mereka, merentasi jalan kisah yang membawa kita ke dalam dunia kesihatan dan kekeluargaan. Dalam setiap ceritera, kita akan menemui kejujuran yang

menggugah hati, kesungguhan dalam menghadapi liku-liku, dan kekuatan dalam menjalani perjalanan kehidupan yang tidak terduga.

Buku ini bukan sekadar himpunan cerita pribadi, tetapi juga sumber inspirasi bagi pembaca yang mungkin sedang mengharungi perjalanan kehidupan mereka sendiri. Kami berharap pembaca dapat merasai kemanisan, kepahitan, dan keindahan yang terkandung dalam setiap halaman, serta menemukan refleksi diri dalam ceritera-ceritera ini.

Terima kasih kepada para penulis yang telah berkongsi intipati kehidupan mereka, memberikan kita pandangan yang menginspirasi dan memotivasikan. Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi bagi semua yang membacanya, merangkul kepelbagaian perjalanan kehidupan, dan membantu kita merentas dengan penuh semangat di sepanjang jalan cerita kehidupan.

Selamat membaca!

Sharifa
Hasliza
Tasiransurini



Ceritera 1: **Coretan, Aku Ibumu**

Oleh: Nafizah Salleh

Di celah-celah kehidupanku, terselit pengalaman dan catatan yang boleh dikongsi bersama. Namun, catatanku tidaklah seindah mana, sekadar sebuah perkongsian pengalaman dalam membesarkan dan mendidik anak-anakku.


Hasil perkongsian hidup bersama suami, kami dikurniakan lima orang cahaya mata tiga putera dan dua puteri. Sepanjang membesarkan dan mendidik anak-anak, pelbagai rintangan dan dugaan yang telah kami hadapi. Pelbagai cerita gembira dan duka sakit pening, persekolahan, dan penjagaan seharian semasa kami keluar bekerja mencari rezeki untuk keluarga.

Bagiku, perkara yang paling membahagiakan hati bagi seorang ibu adalah sewaktu melihat anak-anak membesar dengan sihat di depan mata, menjadi anak yang soleh/solehah, anak yang mendengar kata ibu dan ayah, serta menghormati orang yang lebih tua daripadanya.

Setiap ibu bapa mempunyai cara tersendiri dalam mendidik anak-anak. Fasa pertama pendidikan anak-anak aku adalah dari umurnya 1 hari hingga ke 2 tahun, iaitu bermula dari anak baru mengenal dunia dan mula bertutur. Pada ketika ini, aku akan mendodoikan waktu tidurnya dengan doa dan lirik yang secara

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan





Ceritera 2:

Sharifah Mahanum

Oleh: Suhaila Haron

Kau cintakan dia ke Pin? pantas Rizman bertanyakan soalan itu kepada pemuda di hadapannya, Kamarul Ariffin. Aku diam, bungkam dan tidak dapat menjawab soalnya. Soalan apakah ini?!, bisikku. "Diam itu tandanya ya tau!" sambung sahabatnya lagi. "Biarlah aku diam tanpa menjawab soalan itu," bisik hati ini. Makanan kegemaranku aku biarkan di atas meja. Selalunya dua pinggan aku telan! Entah mengapa kelihatannya Nasi Goreng Kampung Cili Padi ni seperti menari-nari bila ingin ku sentuh. Seperti menjerit-jerit kecil merayu supaya aku tidak menyentuhnya. "Amboi, aku ni bercakap dengan kau, kau bercakap pulak dengan nasi ni ye!" perli Riz. "Aku takde selera Riz" jawab ku perlahan. Entah mengapa perasaan ini tiba-tiba merindui seseorang. "Riz, hujung minggu ni ikut aku balik kampung. Kita tengok Mak Pah," pelawa ku pada Rizman, sahabat yang aku kenal sejak aku menuntut di sekolah menengah lagi. Orangnya peramah, kelakar dan sangat bertolak ansur. Tapi yang penting dia sangat memahami aku yang sememangnya mempunyai perangai yang kontra dengan dirinya. "Ouhhh ko rindukan Mak Pah? Cakaplah awal-awal, kan senang. Aku ingatkan ko rindukan si Manis tu?" usik lelaki berusia 30 tahun itu.

"Mak, jadi ke anak kesayangan mak nak datang?" tanya Mahanum pada ibunya. Sesekali dia merenung lama raut wajah ibunya. "Dah tua mak aku ni," bisiknya dalam hati. "Tapi masih cantik dan manis seperti dahulu," tambahnya. Cuma sekarang wajah itu



Ceritera 3:

Biscoff Cheese Cake - Gambar Sakaku Tak Lulus

Oleh: Siti Hawa Ruslan

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP dikenakan pada rakyat Malaysia mulai 18 Mac 2020. Justeru, duduk sajalah di rumah sambil melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai pensyarah dan pengarah. Kalam kabut dibuatnya sebab semua kena buat secara dalam talian termasuklah kuliah, tutorial, kuiz, ujian dan juga peperiksaan akhir. Mana nak sediakan video kuliah, mana nak buat soalan kemahiran berfikir aras tinggi (yang orang kata KBAT tu lah), ya lah ujian *take from home* kan. Kenalah mencabar sikit soalnya. Nak urus pejabat lagi.

Tapi walaupun sibuk, *boring* juga rasanya kalau asyik duduk di rumah. Nak keluar berjalan-jalan tak boleh disebabkan PKP. Bersambung dengan PKPB lepas tu. Jadi untuk hilangkan tekanan yang dirasa, bila ada masa senggang terutamanya di hujung minggu, belek-beleklah media sosial dan terjumpa iklan ambil gambar makanan atau minuman menggunakan kamera telefon pintar saja. Cantik-cantik pula gambar yang diambil walaupun guna telefon sahaja. Jadi apa lagi, dengan pantas nombor telefon di iklan tersebut dihubungi. Bermulalah *episode* kelas mengambil gambar secara dalam talian menggunakan aplikasi Telegram.

Tanpa ada ilmu tentang fotografi, satu per satu diajarkan oleh cikgu-cikgu secara dalam talian. Bermula dengan kelas asas selama sebulan. Apa itu pencahayaan, *styling*, sudut dan sebagainya. Setiap minggu ada tugas yang perlu dihantar iaitu

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan





Ceritera 4: Kembara Ini

Oleh: Nik Shahidah Afifi Md Taujuddin

*“Subhanallazi sakharalana haza wamakunna
lahumukrinin. Wainna ila rabbina lamunkolibun.”*

*Alhamdulillah, Alhamdulillah, Alhamdulillah,
Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar.*

Terkumat-kamit mulut anak-anak membacakan doa musafir, sambil mengaminkan doa ayahnya. Perjalanan yang jauh sememangnya memerlukan perancangan yang awal. Jika tidak, ada saja yang tidak keruan.

“Ibu, kakak tertinggal berus gigi.”

“Sayang, seluar *slack* abang ada bawa tak?” “Ibu, adik nak makan.”

Alahai, jika tidak disusun atur dari awal, maka perjalanan yang sepatutnya menggembirakan, akan menjadi perjalanan yang kelam kabut, malah menambahkan kos. Teringat cerita saudaraku dimana beliau tertinggal beg yang mengandungi pakaian raya seisi sekeluarga, lantaran kekalutan menguruskan tujuh orang anak untuk pulang ke kampung bagi menyambut hari lebaran. Kesudahannya, mereka terpaksa membeli pakaian raya yang baharu pada malam raya di pekan berdekatan dengan kampung. Anak-anak gembira kerana mendapat pakaian baharu tambahan, sebaliknya, ibu dan ayah terpaksa mencongak kembali helaian kertas di dalam dompet.

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan



Ceritera 5:

Aku dan Belfast

Oleh: Fauziahanim Che Seman

Coretan hati kukongsi, Nauzubillah mendabik diri, Moga berbekas dihati, Ini lah ceritera diri.



Tawaran PhD ke luar negara dengan biasiswa tidak mampu kutolak. Keterujaan ke bumi orang masih segar tersemat sehingga kini. Kembara ke bumi Belfast bersama keluarga kecil telah mentarbiahkan diri ini. Coretan ini dinukilkan untuk pedoman anak-anak kami.

Watak utama dalam nulikan ini, Zulaikha dan Zulfa

Sang Pencinta

"Hi Love," mula-mula kekok, lama-lama sudah biasa. Ia adalah sapaan rutin komuniti Belfast bagi sesiapa sahaja, sama ada kenal

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

21



Ceritera 6:
Covid-19,
Pengalaman Abadi
Oleh: Nurulhuda Ismail

Hidup berseorangan di perantauan tanpa suami dan anak-anak tercinta di sisi adalah sesuatu yang amat menyakitkan. Tiada lagi kedengaran hilai tawa anak-anak bergurau senda, mahupun hingar bingar mereka bergaduh manja. Di manalah kekuatan seorang isteri dan ibu, kalau bukan datangnya dari suami dan anak-anak syurga itu. Hanya berserah diri pada Allah, mengharapkan kekuatan dari *Ya Rabb*, Yang Maha Penyangang.

Walaupun setiap hari mereka ku hubungi melalui panggilan video, pastinya kenikmatan itu tidak sama dengan bersemuka. Namun, apakan daya keputusan yang sangat berat ini kami persetujui sebagai salah satu usaha untuk menyiapkan penulisan tesis sebelum aku kembali bekerja di Malaysia.

November 2020: Kepulangan anak-anak ke Malaysia ditemani dengan deraian air mata. Suasana ceria di *Manchester Airport* bertukar menjadi sayu tatkala tiba masa untuk berlepas. Setiap hari pasti air mata ku mengalir, menahan rindu untuk mencium, memeluk, atau kadang kala melepaskan beban dek kerana krenah anak-anak.

Berkat doa dan semangat dari suami, keluarga dan kawan-kawan di Sheffield membuatkan aku terus bangkit, menggagahkan diri untuk menjadi lebih kuat. Sahabat- sahabat sekeliling inilah yang menjadi keluarga kedua ku di sana. Gelak-tawa anak-anak



Ceritera 7:

Secebis Kenangan

Oleh: Munirah Ab. Rahman

Tahun 2020. Tahun yang ditunggu-tunggu oleh semua. Tahun yang dijangka dunia akan berada pada tahap kemajuan teknologi dan lonjakan ekonomi yang mengagumkan.

Di Malaysia khususnya, tiga dekad yang lalu iaitu pada 28 Februari 1991, negara telah diperkenalkan dengan Wawasan 2020 yang mengandungi sembilan cabaran, merangkumi semua aspek kehidupan daripada segi moral, ekonomi, politik dan sosial. Ia merupakan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju setanding dengan negara lain di mata dunia.

Pada pemikiran anak kecil (saya) yang berumur sembilan tahun ketika itu, tahun 2020 nanti kehidupan pasti berbeza. Terbayang hidup di rumah besar bersama dengan robot-robot canggih yang membantu kerja-kerja rumah dan membuat semua yang kita arahkan. Tidak perlu lagi menolong emak menyidai baju, melipat baju, mengemas rumah dan kerja-kerja yang lain. Kita juga tidak lagi pergi ke bandar dengan menaiki kenderaan beroda, tapi menaiki kenderaan terbang! "Wah, pasti seronok!" bisik hati saya. Tersenyum saya sendiri. Imajinasi mewujudkan perasaan teruja dan tidak sabar untuk menanti kedatangan tahun yang satu ini. Teringat kembali lagu Wawasan 2020 yang sering dimainkan di televisyen dan diputarkan di radio pada ketika itu. Antara rangkap terakhir yang masih diingati:



Ceritera 8:

Batik Pusaka

Oleh: Nor'asiah Sudin

Usai menyiapkan sarapan pagi, terlintas dalam fikiran, agak Mama tidak mengemas almari baju. Memanfaatkan hari cuti, bolehlah berkira-kira untuk melakukan kerja yang tertunda. Namun, tidak tahu almari mana yang hendak dimulakan terlebih dahulu. Almari anak-anak juga perlu diasingkan baju-baju mereka yang semakin ketat dan kecil. Semakin membesar anak-anak, perlu menambah koleksi baju-baju baharu nampaknya.

Mungkin patut memulakan aktiviti mengemas dengan almari sendiri terlebih dahulu. Baju-baju yang tidak muat dipakai bolehlah dikeluarkan daripada almari, kemudian, baru fikirkan apa yang patut dilakukan dengan baju-baju yang diasingkan. Semasa berpindah dari Kuala Lumpur ke Batu Pahat, hampir empat kotak baju-baju lama telah dihantar ke pusat penerimaan baju-baju terpakai di Shah Alam.

Tatkala membuka pintu almari, tiba-tiba mata terpaku kepada dua helai kain batik yang tersusun rapi di lipatan paling bawah. Kain batik peninggalan dua insan yang sangat istimewa iaitu emak dan umi, ibu mertua.

Teringat suatu masa dahulu, banyaknya koleksi baharu simpanan arwah emak dengan pelbagai warna dan corak. Cantik-cantik semuanya, malah ada yang masih belum dijahit. Jahitan cantuman

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

49



Ceritera 9:

"Duyung-duyung FKEE"


Oleh: Tasiransurini Ab. Rahman

Di saat waktu tidak berpihak, apakah saya mampu untuk melangsaikan tugas ini? Dua kali melepasi tarikh akhir yang diberi oleh ketua penyunting, membuatkan hati sedikit gusar. Mencuba dan terus mencuba memaksa diri di celah kesibukan urusan hakiki, namun idea *Ceritera Kasih* masih belum menerjah dilegar fikiran ini.

"Ya Allah, berikan ilham kepadaku dan lindungi aku daripada keburukan diriku sendiri." "Siran, nak 'menulis' bukannya mudah, tapi kenapa jadikan ia susah? Ayuh, tulis sahaja," cetus hati kecil ini. Nah, tiba-tiba bahan melintas di depan mata. Dua orang sahabat memanjangkan berita tentang pembukaan semula kolam renang UTHM (setelah sekian lama ditutup untuk tujuan penyelenggaraan dan penambahbaikan).

Sepantas kilat, jauh terimbau memori tahun 2015, saat saya turut sama menjayakan program *Pertandingan Renang Wanita FKEE*. Tercetusnya idea untuk mengadakan pertandingan ini adalah rentetan daripada kejayaan kami (dengan keizinan Yang Maha Esa) untuk menguasai teknik asas berenang, setelah mengikuti kelas renang di bawah bimbingan *Teacher Yana*. Terima kasih, *Teacher Yana*.

Masih teringat lagi, saya dan sahabat-sahabat begitu teruja untuk mengikuti kelas renang, memandangkan sukan renang merupakan



Ceritera 10:

Coretan Hati... Andainya AKU bukanlah AKU

Oleh: Suriana Salimin

Aku dilahirkan dari sebuah keluarga yang biasa-biasa sahaja. Tidaklah kaya yang mempunyai harta seluas pulau yang takkan habis dimakan, dan tidaklah miskin yang hanya mempunyai sehelai baju dan sehelai seluar yang lusuh yang selalu mengikat perut untuk meneruskan hidup sehari-hari. Pada zaman persekolahan dahulu, bapaku hanya bekerja sebagai penolong kedai runcit di kampung. Ibuku pula seorang suri rumah yang mengambil upah membuat beberapa jenis kuih bagi membantu bapa mendapatkan wang tambahan untuk perbelanjaan kami sekeluarga. Kuih-kuih ini kemudiannya akan dibekalkan ke Kedai Makan Mek Timah seawal jam 6.30 pagi setiap hari. Walaupun begitu, kami sekeluarga sentiasa bersyukur dengan semua rezeki yang ada. Kami diajar sedari kecil supaya sentiasa berasa cukup dengan apa yang telah Allah S.W.T. rezekikan kepada kami. Oh ya, aku mempunyai lima orang adik beradik. Tiga orang lelaki dan dua orang perempuan. Setiap kali aku merasa sedih, aku akan selalu teringat cerita ibu. "Mak dulu zaman sekolah, sebiji kuih tu belah empat kongsi dengan abang-abang mak masa rehat." Allah, lagi hebat dugaan yang Kau berikan kepada hambaMu dulu. Disebabkan kata-kata ibu yang terngiang di kepalaku itu, aku dan yang lain terus berusaha demi membalas jasa ibu bapa kami dan memberikan sedikit keselesaan hidup kepada mereka. Alhamdulillah, kami adik beradik masing-masing telah bekerja dan mempunyai kehidupan sendiri. Abang-abangku bekerja di syarikat



Ceritera 11:

Kembara Melbourne

Oleh: Wan Nur Hafsha Wan Kairuddin

Pada tahun 2014, aku bersama suami dan anak sulung kami yang pada ketika itu berumur 2 tahun berkesempatan untuk meneroka bandar kedua terbesar di Australia iaitu Melbourne. Kenapa Melbourne? Kerana seorang sepupuku sedang menyambung pengajian di sana, jadi pastilah kami akan dapat perkhidmatan pemandu pelancong, penginapan dan pengangkutan percuma. Di sini, aku ingin kongsi pengalaman kali pertama menjejakkan kaki ke bumi kanggaru ini. Jom kita teroka Melbourne!

Setelah segala persiapan dilakukan, maka hari yang dinantikan telah tiba. 20 April 2014, penerbangan kami berlepas dari Kuala Lumpur pada jam 2 petang waktu Malaysia. Penerbangan mengambil masa selama 8 jam. 8 jam di awan biru terasa sangat panjang. Alhamdulillah, itu sahaja yang mampu diucapkan ketika juruterbang mengumumkan kami selamat mendarat di Lapangan Terbang Tullamarine pada jam 12 tengah malam waktu Melbourne. Kami melangkah keluar pesawat dalam suhu dingin mencecah 10°C. Kami tidak sempat merakam kenangan ketika tiba di lapangan terbang kerana hati berdebar-debar memikirkan apa akan berlaku apabila disoal dengan pihak imigresen dan kastam nanti. Maklumlah bermacam-macam cerita yang menakutkan dikongsi di laman sesawang. Katanya akan ada anjing besar yang mengiringi kami nanti. Seram sejuk dibuatnya

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

63



Ceritera 12: Lautan

Oleh: Herdawati Abdul Kadir

“Ocean beza ke dengan sea?”

Dengan pantas, Iman menjawab “Ocean banyak air, kalau sea banyak pasir.”


Tersenyum mama mendengarnya. Betul juga kata Iman. Kalau waktu kecil, mama pun akan terfikir benda yang sama. Bila disebut perkataan pantai, akan teringat pasir dan air.

“Ocean tu lautan dan sea itu pantai,” terang mama kepada Iman.

Ramai yang sering keliru dengan dua istilah ini. Lautan meliputi 71% muka bumi manakala pantai pula adalah tepian lautan.

“Air laut boleh guna ambil wuduk tau iman, sebab air laut terdiri dari air yang suci,” tambahku kepada Iman.

Abu Hurairah berkata, Nabi SAW bersabda mengenai air laut, “Laut itu suci airnya dan halal bangkainya.” (HR. An Nasai).



Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

71



Ceritera 13:

Pulmonary Tuberculosis (PTB) Smear Negative, Satu Perjalanan

Oleh: Sharifah Saon

Kehidupan ini satu perjalanan, perjalanan mencari redha Allah, menuju destinasi yang abadi. Nikmat hidup itu pelbagai, kesihatan yang baik dan berpanjangan adalah satu anugerah dan nikmat yang tiada tolok bandingnya.

Batuk berpanjangan berserta dedar yang tak kunjung padam, benar-benar memenatkan. Beberapa siri rawatan dilalui, dari satu ubat batuk ditukar ke ubat batuk yang lain, antibiotik, dan x-ray dada kelihatan baik-baik sahaja, namun tiada sebarang keputusan yang pasti diperolehi, tetapi batuk berserta dedar masih bersisa.

Bulan berganti, batuk masih berbaki, Dr Sal, doktor perubatan Pusat Kesihatan Universiti (PKU), arahkan supaya ujian *pulmonary tuberculosis* (TiBi) dilakukan. Alhamdulillah, semua keputusan adalah negatif, ini bermaksud tiada sebarang jangkitan bakteria yang serius.

Saringan awal Tibi:

- i. ujian *mantoux*
- ii. x-ray dada, dan
- iii. ujian kahak - *Acid-Fast Bacillus* (AFB) *sputum culture test*



Ceritera 14:

Trying To Conceive (TTC)


Oleh: Hasliza Hassan

Saya dan suami telah diijabkabul pada 28 November 2008 ketika masih dalam pengajian sarjana. Sejak berkahwin, kami merupakan pasangan jarak jauh (PJJ). Suami bekerja di Johor, dan saya di UKM, Selangor. Dipendekkan cerita, lebih kurang 2 tahun setengah selepas tempoh perkahwinan, saya dapat menyambung pengajian ke peringkat PhD di UTM, Skudai. Alhamdulillah, akhirnya dapat hidup sebumbung. Walaupun saya terpaksa *travel* jauh untuk pergi ke *lab* di Skudai (kami tinggal di kuarters Politeknik Pasir Gudang). Ini adalah yang terbaik kerana masa saya yang lebih fleksibel untuk hadir ke *lab*, berbanding suami yang masanya tetap. Sejak berkahwin, kami tidak 'merancang keluarga' secara rasmi. Kami tidak begitu serius memikirkan tentang zuriat dalam tempoh awal perkahwinan.

Ya, melihat kepada tajuk *entry* di atas, hal yang akan saya ceritakan dengan panjang lebar di sini adalah mengenai perjalanan *TTC* (*trying to conceive*) saya. Ramai *TTCians* di luar sana, sama seperti saya. Moga kalian dipermudahkan urusan, Amin. Tujuan perkongsian ini adalah sebagai satu motivasi untuk semua, khususnya bagi *TTCians* yang sedang melalui fasa *TTC*. Ketahuilah, *entry* ini tidak bertujuan untuk mengguris sesiapa, tetapi sekadar berniat untuk berkongsi. Semoga ada manfaat yang boleh diambil hasil daripada perkongsian yang tidak seberapa ini. Saya sukar untuk mengungkapkan perkataan 'sabar' kepada pasangan yang sedang melalui tempoh *TTC*, kerana saya

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

87



Ceritera 15: Endometriosis

Oleh: Ain Nazari

Setelah habis PKP selama tiga bulan di Kajang, aku kembali ke Batu Pahat. Aku perlu bekerja seperti biasa, walaupun boleh bekerja dari rumah namun perlu berada di lingkungan universiti. Aku masih diberikan cuti untuk bekerja dari rumah kerana sekolah belum dibuka seperti biasa. Oleh itu, sebelum sesi persekolahan bermula aku dan suami mengambil keputusan untuk bercuti di Desaru. Titik percutian ini merupakan detik permulaan aku mengesan sakitku ni. Ketika percutian ini, mengikut perkiraan merupakan minggu ketiga dari tarikh aku *period*. Namun demikian perut terasa sakit seperti menyucuk di bawah perut dan sukar untuk membuang air besar merupakan simptom yang aku alami. Selain itu, terdapat ketulan di bahagian kiri bawah ari-ariku. Walaupun aku telah cuba untuk menuam bahagian tersebut terutama kita aku *period*, tetapi masih ada ketulan yang keras di kawasan tersebut. Aku sangkakan aku tersilap makan, pelbagai ubat aku telan seperti pil Chi Kit Teck Aun dan Eno, namun masih tiada perubahan. Sehingga aku minta suamiku untuk berhenti di R&R, lalu aku membeli panadol dan menelan 2 biji. Alhamdulillah, ia boleh bertahan selama 6 jam. Selesai *check in* di hotel, kami sekeluarga boleh beriadah dan aku tidak berasa sakit. Namun, ketika kami pergi makan malam, aku sudah tidak keruan. Sakit di bawah perut semakin menyucuk. Aku tidak dapat makan dengan tenang kerana menahan sakit. Justeru, selesai sahaja kami makan malam aku terus balik ke bilik untuk menelan panadol lagi. Aku

Ceritera Kasih: Tentang Perjalanan Kehidupan

95



Ceritera 16:

Merewang

Oleh: Mazita Mohamad

Merewang yang ingin diceritakan bukanlah dalam konteks 'merewang' yang selalu diguna oleh masyarakat di Johor yang merujuk kepada gotong-royong sebelum/ketika kenduri. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, definisi merewang adalah tidak tetap atau selalu berubah- ubah (berkenaan tempat, fikiran dan lain-lain). Artikel ini berkisar kepada fikiran yang merewang sepanjang pandemik covid-19 yang melanda seluruh dunia pada kaca mata penulis. Virus yang sungguh bijak kerana komplikasi yang diberi berbeza mengikut status kesihatan individu yang dijangkiti. Ada sebahagian pesakit yang tidak mengalami sebarang gejala tetapi golongan ini akan menjadi penyebar virus tanpa sengaja. Ada juga pesakit yang menghadapi komplikasi yang teruk sehingga memerlukan sokongan pernafasan. Lebih malang apabila ada dalam kalangan pesakit tewas dalam pertarungan tersebut. Mereka ini dikebumikan dengan prosedur yang berbeza bagi mengelak virus daripada terus tersebar. Yang menyedihkan adalah ahli keluarga tidak dapat melihat jenazah buat kali terakhir.

18 Mac 2020 merupakan tarikh keramat, permulaan baru dalam lipatan sejarah masyarakat di Malaysia apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) dikenakan oleh kerajaan bagi menangani penyakit covid-19 dalam negara. Walau bagaimanapun, ramai pula yang mengambil peluang untuk pulang ke kampung. Tujuan asal PKP telah disalah guna, malah sebahagian mereka telah menjadi



Ceritera 17: Emas dan Wanita

Oleh: Roziah Aziz



Emas dan wanita sangat berkait rapat antara satu sama lain. Rata-rata, wanita sememangnya sukakan emas. Hanya segelintir sahaja yang tidak gemar memakai barang kemas tetapi tetap suka untuk memiliki emas. Selain daripada warna emas yang berkilauan, wanita yang memakai emas akan merasa yakin dengan penampilan diri.

Di dalam Al-quran juga, beberapa kali Allah menyebut tentang emas. Tidak hairanlah mengapa emas amat diminati oleh semua golongan.

- Surah Al-imran ,ayat 14: Emas dijadikan indah pada pandangan manusia.
- Surah Al-imran, ayat 91: Emas adalah barang tukaran paling bernilai.
- Surah At-taubah, ayat 34: Emas sebagai simpanan sebenar;
- Surah Al-kahf, ayat 31: Emas sebagai perhiasan dalam syurga;
- Surah Al- Haj, ayat 23: Perhiasan bagi orang mukmin.



Ceritera 18:
Bertani Satu Terapi
Oleh: Siti Amely Jumaat

Berkebun, bertani atau bercucuk tanam kini adalah salah satu aktiviti yang semakin popular dan digemari masyarakat kesan dari pandemik Covid-19. Apabila masyarakat tidak dibenarkan keluar tanpa urusan penting dan aktiviti hanya berpusat dirumah sahaja. Ini menyebabkan mereka mencari hobi baru bagi mengisi masa yang terluang kerana keterbatasan aktiviti diluar. Selain mengisi masa lapang, bertani dapat manfaat ruang atau kawasan lapang disekitar rumah yang kosong serta menjimatkan kos membeli sayur dipasar. Contohnya, jika ada cili, daun pandan, daun kari, daun limau purut di laman rumah maka kos dapat diijimatlah walaupun sekadar RM2 hingga RM4 sahaja. Selain itu, apabila aktiviti menjalankan aktiviti bertani, membuang rumput dan membaja dilakukan bersama-sama ahli keluarga ia dapat mengeratkan kasih sayang antara ibu-bapa dan anak-anak.

Aktiviti bertani bukan sahaja dijalankan bagi masyarakat di kampung tetapi jugak mula digemari penduduk di bandar dan bandar besar. Malahan ada yang tinggal di pangsapuri atau kondominium juga tidak menjadikan alasan untuk bertani.

Aktiviti ini adalah sesuai dengan saranan Pejabat Pertanian Negeri mengadakan kempen Pertanian Bandar bagi mengajak masyarakat menanam sendiri sayur-sayuran untuk kegunaan harian. Pertanian Bandar mempunyai beberapa jenis kaedah



Ceritera 19:

Benarkah Seni Visual Bantu Kurangkan Tekanan? dan Ketahui Cara Mudah Memulakan Seni Lukisan Cat Air

Oleh: Nur Anida Jumadi

Sebelum saya menjawab tajuk artikel ini, izinkan saya memutar masa kembali ke tahun 1990 sehingga 1995 (ketika saya berada di darjah 1 sehingga darjah 6) ataupun menjelajah ke ruang masa 1996 sehingga 1998 (anda boleh kira sendiri saya di tingkatan berapa), Pendidikan Seni Visual bukanlah suatu subjek yang saya minati. Jika boleh, saya ingin sahaja ponteng kelas pada waktu subjek ini berjalan, tetapi mengenangkan ada reputasi yang perlu dijaga (iaitu imej diri sebagai anak yang tidak mahu menyusahkan hati mak abah dan tidak mahu bersoal jawab dengan guru Pendidikan Seni), niat tidak baik itu hanya sekadar berlegar-legar di fikiran, tidak nyata pada perbuatan.

Apabila dikenang kembali zaman itu, acapkali cikgu ataupun pak menakan bertanyakan soalan tentang cita-cita, "Kamu bila dah besar nak jadi apa?." Rasanya, dah boleh teka apa jawapan balas saya, bukan? Oleh sebab itu, subjek Pendidikan Seni Visual ini sekadar melukut di tepi gantang, memandangkan penguasaan subjek-subjek berteraskan sains dan teknologi seperti Matematik dan Sains menjadi tumpuan utama demi menggapai cita-cita asal sebagai seorang doktor. Sementelahan, minat terhadap seni yang tidak dipupuk sedari kecil, tidak tahu teknik yang betul, kos pembelian bahan seni yang berkualiti dan anggapan penilaian hasil seni ini sangatlah subjektif (ehemm, jika Matematik skema

Biodata penulis



Sharifah Saon merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Kejuruteraan Elektrik, dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (KUiTTHO). Minat penulisannya tidak

hanya di ruangan akademik atau profesional, tetapi juga dalam penulisan umum dan santai.



Hasliza Hassan adalah seorang pensyarah di Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Mikroelektronik dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kemudian melanjutkan

Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di UTM dalam bidang Kejuruteraan Elektrik. Beliau komited untuk menyumbang kepada perkembangan ilmu kejuruteraan elektronik dan memperkukuhkan industri mikroelektronik melalui penyelidikan serta pengajaran. Selain daripada kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, Hasliza Hassan adalah seorang pengarang yang

bersemangat dalam berkongsi pengalaman dan pemikiran kehidupan melalui pelbagai bentuk media, termasuk penulisan kreatif. Beliau percaya bahawa pengalaman peribadi dan kepelbagaian minat dapat membentuk perspektif kehidupan yang unik dan berharga.



Tasiransurini Ab Rahman merupakan anak seorang pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Beliau dibesarkan di Woodland, Singapura; Lumut, Perak; dan Kuantan, Pahang. Anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini mempunyai hobi memasak, berkelah, dan 'briskwalk'. Beliau memperoleh Ijazah PhD Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Komunikasi dan Komputer dari UKM. Kini, beliau adalah pensyarah kanan di FKEE, UTHM.



Nafizah Salleh@Ali merupakan anak ke dua seorang pesara guru. Beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Jurutera Kanan di UTHM selama 30 tahun.



Suhaila Haron merupakan anak sulung dari 5 orang adik beradik dan mendapat pendidikan Diploma Sains Kesetiausahaan dari Institut Teknologi MARA (sekarang Universiti Teknologi MARA) pada tahun 1995. Mula berkhidmat di ITTHO/KUITTHO/UTHM pada tahun 1996. Selain minat beliau membaca buku ilmiah & novel,

melayari tiktok, memasak, berkebun, beliau juga minat berkarya terutama dalam bidang penulisan cereka, novel dan puisi. Walau bagaimanapun, kerana mempunyai kekangan masa beliau mengenyepikan minat-minat yang ada kecuali melayari tiktok untuk memberi tumpuan kepada perkara yang lebih penting. Semasa beliau kecil, beliau mengimpikan untuk menjadi penulis terkenal walaupun beliau tahu cita-cita itu mustahil.



Siti Hawa Ruslan merupakan bekas Profesor Madya di FKEE, UTHM. Bersara dari alam akademik pada Januari 2023 setelah 35 tahun berkhidmat. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari University of Miami, Florida USA dan Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari UTM. Meminati bidang penulisan dan pernah menghasilkan

buku-buku dan modul pengajaran akademik. Kini beliau cuba mengembangkan bakatnya dalam penulisan cereka pula.



Nik Shahidah Afifi Md Taujuddin adalah pensyarah kanan di FKEE, UTHM, Malaysia. Penulis berasal dari Kelantan Darul Naim dan adalah anak sulung dari 7 orang adik beradik. Inspirasi penulis adalah untuk menjadi insan yang memberi manfaat kepada ummah.



Fauziahanim, anak sulung pasangan guru amat gemar mentadabbur alam dan masyarakat persekitaran. Penulis sangat gemar mengeksplorasi cabaran baru dan mengimpikan diri berbakti demi kemaslahatan ummah. Penulis konsisten terlibat dan penulisan teknikal dan kini mencabar diri dalam penulisan umum demi sasaran pembacaan komuniti setempat.



Nurulhuda Ismail merupakan anak bongsu dari 10 adik-beradik. Memperoleh Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik di UTHM pada tahun 2007 dan berkhidmat sebagai pensyarah di FKEE, UTHM. Terinspirasi untuk berkongsi pengalaman hidup dalam bentuk penulisan santai kerana beliau yakin bahawa pengalaman adalah guru terbaik sebuah kehidupan. Kematangan dan kekuatan seseorang adalah ilmu yang terhasil dari pengalaman yang telah dilalui sama ada ia pahit mahupun manis.



Munirah Ab. Rahman merupakan seorang kakitangan akademik di UTHM, anak sulung daripada 8 orang adik beradik. Penulis telah diijabkabulkan pada bulan Februari 2010 dan dikurniakan 2 cahaya mata. Berasal dari Melaka, penulis amat suka membaca pelbagai genre penulisan terutama berkaitan dengan pengalaman hidup dan motivasi diri. Harapan penulis adalah supaya dapat berbakti dan memberi manfaat kepada ummah.



Nor 'aisah Sudin memulakan kerjaya sebagai kakitangan akademik di Fakulti Kejuruteraan, KUiTTH0 atau nama terkini UTHM bermula 1 Januari 2004. Kini beliau merupakan seorang pensyarah kanan dalam bidang Kejuruteraan Komputer di FKEE, UTHM. Penulis berasal dari Kuala Rompin, Pahang dan dilahirkan sebagai puteri bongsu dari tujuh bersaudara. Hobi utama beliau adalah membaca dan mempunyai lebih dari 50 koleksi novel, buku motivasi, kerohanian dan cereka hasil karya penulis-penulis terkemuka. Menggemari aktiviti jahitan dan kaitan kraftangan bagi mengisi masa terluang. Ceritera ini merupakan karya sulung yang dihasilkan oleh beliau dengan harapan semoga pengalaman ini dapat memberi manfaat kepada seluruh pembaca.



Suriana adalah seorang ibu kepada empat orang anak yang dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Beliau bekerja sebagai seorang pendidik bermula sebagai seorang tutor di UTHM pada tahun 2007 dan kemudian menjawat jawatan pensyarah sehingga kini. Matlamat beliau ingin terus menabur khidmat bakti dan berkongsi ilmu kepada anak-anak

didik pelajar agar mereka dapat menjadi seorang yang sentiasa merendah diri tetapi tetap maju dalam kehidupan dunia dan akhirat.



Wan Nur Hafsha merupakan Jurutera Pengajar di FKEE, UTHM. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari UTHM. Selain tugas seharian sebagai pendidik dan ahli akademik, penulis memiliki minat dalam mengeksplorasi keunikan cara hidup dan budaya yang beragam dan

meneroka keindahan alam semesta yang membuka mata tentang keajaiban di setiap penjuru dunia.



Herdawatie merupakan Pensyarah Kanan di FKEE dalam bidang pengkhususan Mekatronik dan Robotik di UTHM. Inspirasi hidup beliau adalah berkenaan lautan, air dan Inovasi.



Ain Nazari merupakan anak kedua dari empat adik beradik dan berasal dari Perak. Penulis mula berkhidmat di UTHM sebagai tutor pada tahun 2008 dan kemudian menjawat jawatan pensyarah sehingga kini. Beliau seorang yang aktif bersukan selain gemar menghabiskan masa cuti bersama keluarga ke tempat-tempat menarik sambil menikmati pengalaman baru kerana setiap detik yang dihabiskan bersama-sama adalah satu anugerah.



Mazita Mohamad merupakan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) sejak 2022. Hobi beliau mendengar radio menjadi cetusan idea untuk menghasilkan karya dalam buku ini. Coretan tersebut adalah cerminan kepada minda kita sentiasa berfikir perkara yang berbeza pada setiap masa. Senyumlah pada diri sendiri, hidup lebih sihat dan gembira serta positif.



Roziah Aziz merupakan anak kedua dari tiga adik beradik. Mendapat pendidikan pertama secara formal di Sekolah Kebangsaan Felda Kahang Timur dan seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan. Pengalaman berjauhan daripada keluarga sejak berumur 13 tahun memberi banyak pengalaman berharga untuk dijadikan panduan hidup. Gemar mengembara dan mencuba sesuatu yang baru.



Siti Amely Jumaat merupakan Profesor Madya di FKEE. Mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Elektrikal (Mekatronik) di ITTHO-UTM, 2001, Ijazah Sarjana Kejuruteraan ELEktrik, UTM 2004 dan Ijazah PhD Kejuruteraan Elektrik, UiTM 2015. Penulis lebih berminat kepada penulisan berkenaan pertanian moden atau pertanian bandar dengan menggunakan tenaga hijau dan kelestarian sebagai elemen utama. Jika ada kelapangan masa penulis gemar memasak dan melancong bersama ahli keluarga.



Nur Anida Jumadi mempunyai kerjaya tetap sebagai pensyarah kanan di FKEE, UTHM. Pemilik Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, UKM dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik Perubatan dan Fizik, Queen Mary University of London ini mempunyai minat yang mendalam dalam bidang seni lukis visual dan memasak. Penulis percaya bakat dan potensi diri tidak hanya terhad kepada kelulusan akademik semata-mata. Apa yang penting, beri peluang kepada diri untuk meneroka pelbagai bidang dan menyeimbangi komposisi hidup yang hanya sementara ini.

Ceritera Kasih

Tentang Perjalanan Kehidupan

Selamat datang kepada pembaca dalam perjalanan yang penuh inspirasi melalui halaman-halaman buku ini, "Ceritera: Tentang Perjalanan Kehidupan." Buku ini adalah karya kreatif yang dihasilkan oleh wanita-wanita hebat yang mewakili pelbagai bidang pekerjaan, dari akademik, penolong jurutera, setiausaha dan pesara. Mereka bukan hanya individu yang berjaya dalam kerjaya masing-masing, tetapi juga pengembara hidup yang menggenggam pelbagai pengalaman, cabaran, kesihatan, dan kekeluargaan.

Setiap halaman buku ini merentangkan perjalanan kehidupan yang unik, memberikan kita pandangan mendalam tentang kehidupan para penulis yang berani berkongsi kisah mereka. Dari puncak kejayaan akademik hingga cabaran yang memerlukan keberanian luar biasa, pembaca akan dibawa menelusuri liku-liku kehidupan yang penuh warna hingga pengalaman-pengalaman kehilangan yang menggetarkan jiwa, setiap cerita mempunyai daya tarikan tersendiri.

Dalam setiap langkah hidup, kita diuji dengan cabaran yang datang bertubi-tubi. Terkadang, kita merasa bahawa perjalanan ini begitu sukar dan terlalu berat untuk ditanggung. Namun, di sebalik setiap liku-liku dan dugaan, terdapat hikmah yang berharga yang menanti untuk kita temui.

Para penulis membuka pintu hati mereka, merentasi jalan kisah yang membawa kita ke dalam dunia kesihatan dan kekeluargaan. Dalam setiap ceritera, kita akan menemui kejujuran yang menggugah hati, kesungguhan dalam menghadapi liku-liku, dan kekuatan dalam menjalani perjalanan kehidupan yang tidak terduga.

Buku ini bukan sekadar himpunan cerita peribadi, tetapi juga sumber inspirasi bagi pembaca yang mungkin sedang mengharungi perjalanan kehidupan mereka sendiri. Kami berharap pembaca dapat merasai kemanisan, kepahitan, dan keindahan yang terkandung dalam setiap halaman, serta menemukan refleksi diri dalam ceritera-ceritera ini.

Terima kasih kepada para penulis yang telah berkongsi intipati kehidupan mereka, memberikan kita pandangan yang menginspirasi dan memotivasikan. Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi bagi semua yang membacanya, merangkul kepelbagaian perjalanan kehidupan, dan membantu kita merentas dengan penuh semangat di sepanjang jalan cerita kehidupan.

Selamat membaca!



ISBN 978-629-490-032-5



0 4 3 0 0

Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

